Annemarie Schimmel Dan George Sale Dalam Kajian Islam: Satu Kajian Analisis

Annemarie Schimmel And George Sale in Islamic Studies: An Analytical Study

MUHAMMAD NAIF NORDIN*[1]

ABSTRACT

The article aims to analyze the research methodologies used by two renowned Orientalist scholars, Annemarie Schimmel from Germany and George Sale from Great Britain, in their studies on Islam. Islamic studies have developed rapidly with various methodologies and approaches, sometimes having a positive impact on the religion being studied and sometimes giving a negative impression. This study also seeks to understand how the different approaches used by these two scholars in presenting Islam to the Western world and to examine the effects of their methodologies. The methodology used to produce this study is a qualitative analysis of the main works of Annemarie Schimmel and George Sale, as well as an analysis of previous studies on these two scholars. The findings show that Schimmel succeeded in defending the image of Islam and providing a positive portrayal to the Western world through the phenomenological approach she applied. Conversely, George Sale, through his translation of the Qur'an, is often for creating ambiguity and altering the original meaning of the text, as well as removing important cultural elements due to the domestication approach he applied.

Keywords: *Annemarie Schimmel, George Sale, Methodology, Phenomenology, Domestication*

PENGENALAN

Agama Islam telah berkembang dengan pesat sejak zaman pemerintahan khilafah dan mempunyai ramai penganut daripada pelbagai pelusuk dunia menyebabkan pertambahan kemajuan ilmu-ilmu Islam. Perkembangan keilmuan Islam yang sangat pesat dengan penghasilan karya-karya hebat dari ramai sarjana yang melihat kepentingan dan keperluan terhadap ilmu dan agama Islam itu sendiri untuk dipegang dan dianuti oleh sekalian umat kerana membawa agama yang dijamin akan kesejahteraan dan keselamatan penganutnya oleh Tuhan. Oleh itu, pertumbuhan ini

[1] **Muhammad Naif Nordin*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: P143272@siswa.ukm.edu.my

menarik minat ramai pengkaji untuk mengkaji dan meneliti tentang Islam yang menjadi sumber dan penyebab utama tercetusnya kemajuan dalam ilmu-ilmu yang pelbagai.

Kajian Islam telah mendapat tempat dan perhatian daripada ramai sarjana samada sarjana Islam dan sarjana Barat yang datang dari pelbagai latar belakang dan pelbagai era melalui metodologi kajian Islam yang sama atau berbeza. Antara tokoh orientalis yang terkenal dalam kajian tentang Islam adalah Annemarie Schimmel yang berasal dari Erfurt Jerman yang dikenal sebagai orientalis perempuan yang ahli dalam mistisme Islam, juga sangat mengagumi tasawwuf Jalaluddin al-Rumi dan pemikiran-pemikiran Muhammad Iqbal. Beliau juga merupakan seorang Islamolog yang telah menghasilkan karya-karya positif tentang Islam, mengembalikan dan membela imej Islam di Barat seperti *And Muhammad Is His Messenger: The Veneration of the Prophet in Islamic Piety, Mystical Dimensions of Islam* (Abdul Hafidz, 2019).

Tokoh yang akan dijadikan perbandingan dengan Annemarie Schimmel adalah George Sale, merupakan Orientalis British yang terkenal dengan kepakarannya dalam bahasa Arab dan beliau adalah ahli Society of Promoting Christian Knowledge (SPCK) di London. George sale juga masyhur dengan karyanya yang menterjemahkan al-Quran ke bahasa Inggeris yang bertajuk *The Koran: Translated into English from The Original Arabic* yang diterbitkan pada tahun 1734. Sale yang menguasai beberapa bahasa Eropah lain mengambil tanggungjawab untuk menterjemah al-Quran secara langsung dari teks Arab dengan bertujuan memenuhi keperluan pembaca Kristian pada masa tersebut (Atiq & Muhammad, 2023). Terjemahan ini dianggap sebagai salah satu terjemahan al-Quran yang paling berpengaruh di dunia Barat.

METODOLOGI KAJIAN ANNEMARIE SCHIMMEL

Terdapat beberapa pendekatan yang digunapakai oleh Schimmel dalam kajiannya mengenai Islam, antaranya pendekatan fenomenologi yang sangat menonjol dalam karya-karya Schimmel.

Pendekatan Fenomenologi

Abdul Hafidz (2019) menyatakan bahawa fenomenologi sebagai satu metodologi telah didefinisikan oleh para ahlinya dengan pelbagai makna, antaranya 1) falsafah esensi dan eksistensi yang dimaksudkan dengan menempatkan kembali esensi-esensi dalam eksistensi dengan menekankan bahawa manusia hanya dapat difahami melalui aktivitinya. 2) Kajian tentang esensi persepsi dan kesedaran. 3) Deskripsi pengalaman sebagaimana adanya tanpa memperhatikan asal-usul psikologinya atau penjelasan kausal dari ilmuan, sejarawan dan sosiolog. 4) Falsafah transendental yang menangguhkan sifat natural dengan tujuan untuk memahaminya dengan lebih baik. 5) Sains pengalaman dan kesedaran dengan menjelaskan apa yang difahami seseorang berkaitan pengalaman dan kesedarannya sebagaimana dijelaskan oleh Hegel. Maka secara keseluruhan, fenomenologi adalah falsafah yang berusaha memahami kesedaran, persepsi dan esensi melalui fenomena yang terindera dalam aktiviti manusia.

Adapun fenomenologi yang difahami oleh Annemarie Schimmel adalah sebuah metodologi yang digunakan dalam penyelidikan dengan cara memahami agama sesuai dengan apa yang difahami oleh penganutnya. Menurutnya lagi, fenomenologi juga merupakan metodologi yang paling relevan dalam mengkaji sesebuah agama kerana ia akan menghasilkan pemahaman yang lebih baik tentang hakikat sesebuah agama yang sebenarnya memiliki tahap kesulitan tersendiri dalam kegiatan penelitian (Abdul Hafidz, 2019). Jelas dengan metode ini seseorang pengkaji akan dapat memahami agama dengan lebih jelas berdasarkan pemahaman penganutnya serta fenomena yang terdapat dalam agama yang ingin dikaji dan bukan difahami dengan tafsiran secara luaran terhadap agama khususnya Islam dan hasilnya seseorang akan dapat memahami agama dengan lebih tepat dan bebas dari unsur kebencian dan kesalahan yang menganggap Islam sebagai agama yang primitif dan tidak manusiawi.

Secara sejarahnya, Schimmel menerapkan metode ini kerana beliau mendapati bahawa Islam telah ditafsirkan dengan cara yang buruk atau disalah tafsir dalam kebanyakan penulisan dalam bidang kajian agama sehingga Islam dilihat sebagai agama yang tidak mempunyai apa-apa perbezaan dari agama-agama lain sedangkan Islam mempunyai kebenarannya tersendiri jika difahami dengan kaedah yang betul (Ahmad

Yunus et al., 2018). Menurut Schimmel, para sarjana tidak mengkaji agama sebagaimana agama, tetapi mereka mengkaji melalui lensa ekonomi, psikologi dan kemasyarakatan. Oleh itu, Schimmel melakukan kajian secara fenomenologi tentang agama Islam dan membentangkan Islam sebagai sebuah agama yang damai dan beliau berhujah bahawa penentang Islam telah menyalah tafsirkan agama Islam (Sharafat dan Siddiq, 2023).

Schimmel terpanggil untuk mengembangkan metode fenomenologi kerana ingin menyedarkan orientalis Barat bahawa kajian agama khususnya Islam tidak cukup dengan hanya menggunakan metode historis atau sebarang jalan dan pendekatan yang selama ini digunakan oleh mereka kerana pendekatan seperti ini hanya melihat dan mengkaji sesebuah agama pada aspek luarannya sahaja yang tidak akan mampu menyelami aspek dalaman atau batin agama yang. Selain metode tersebut seringkali dicemari oleh persepsi islamolog Barat yang menganggap Islam sebagai agama yang mengandungi kesalahan dan juga dianggap sebagai agama yang telah merosakkan agama Kristian bahkan mereka juga sering menghambur fitnah terhadap Islam dalam beberapa penulisan yang berbicara tentang Islam (Abdul Hafidz, 2019).

Secara praktikalnya, Ahmad Yunus et al. (2018) menjelaskan bahawa Schimmel menerapkan model yang dikembangkan oleh Friedrich Heiler dalam karyanya *Erscheinungsformen Und Wesen Der Religion* dengan memasuki hati agama iaitu terlebih dahulu mengkaji fenomena sebelum pergi kepada bahagian yang lebih dalam dari lapisan tindak balas manusia terhadap Ketuhanan sehingga mencapai tahap kesucian yang terdalam dari setiap agama. Sebagai contoh, Muslim memahami kewujudan Tuhan melalui fenomena yang terjadi di sekeliling mereka yang mana fenomena seperti makhluk, perubahan antara siang dan malam, dan juga mukjizat adalah tanda yang menjadi bukti kewujudan Tuhan yang merupakan pencipta segala-galanya.

Dalam karya *Deciphering the Signs of God: A Phenomenological Approach to Islam* yang diterbitkan pada tahun 1994 yang memfokuskan bagaimana tradisi Islam dalam mentafsir dan memahami tanda-tanda dan simbol-simbol Ketuhanan. Dengan menggunakan pendekatan fenomenologi, Schimmel meneliti pengalaman subjektif

umat Islam, serta persepsi dan interaksi mereka dengan manifestasi Tuhan dan Schimmel membincangkan kepentingan simbol-simbol Islam dalam menghubungkannya dengan Tuhan (Sharafat & Siddiq, 2023). Dalam hal ini, Schimmel melihat kepada ayat 53 surah Fussilat:

﴿سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِي ٱلْءَافَاقِ وَفِيٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ(٥٣)﴾

> Maksudnya: "Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"

Bahawa penciptaan alam semesta dan segala sesuatu yang diciptakan oleh Tuhan adalah tanda-tanda Tuhan. Renungan terhadap ciptaan pasti akan membawa seseorang untuk memahami dan mengenal Pencipta sebagaimana yang disimbolkan oleh penyair Parsi, Saadi Shirazi bahawa daun-daun hijau pokok adalah buku terbuka tentang Yang Maha Agung (Schimmel, 1994).

Dalam karya yang sama juga Schimmel banyak membincangkan ayat-ayat dari al-Quran yang menekankan keagungan dan kepentingan alam semula jadi. Sebagai contoh, ayat 99 dari surah al-An'am:

﴿وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ ٱلنَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّٰتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۗ ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكُمْ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ(٩٩)﴾

Maksudnya: “Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.

Ayat ini mengajak orang beriman untuk merenungkan reka bentuk yang rumit, susunan serta keharmonian dunia semula jadi dan ia berfungsi sebagai peringatan tentang kehadiran Tuhan dan menarik perhatian kepada tanda-tanda ciptaan Tuhan yang mengelilingi kita (Schimmel, 1994). Begitu juga pada ayat 37 surah Fussilat Allah berfirman:

﴿وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ(٣٧)﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau benar kamu hanya beribadat kepada Allah”

Schimmel (1994) menyebutkan bahawa Allah sendiri telah memberi amaran dengan mengakui bahawa perkara-perkara tersebut adalah tanda-tanda Tuhan tetapi ia tidak dimaksudkan untuk disembah. Maka, menyembah Allah melibatkan memahami kuasa dan keagunganNya melalui tanda-tandaNya. Disini terlihat bahawa Schimmel mengkaji fenomena-fenomena dan mengaitkannya dengan Tuhan.

Berkenaan kajian tentang Hadith, Schimmel memberikan perhatian yang khusus kepada kajian Hadith dalam memahami Islam dan beliau berpendapat bahawa Hadith adalah perkara yang penting dalam mengkaji tentang Nabi Muhammad SAW kerana ia merupakan tulisan dan nukilan yang menceritakan semua perkataan atau perbuatan Nabi Muhammad SAW yang diperoleh daripada para sahabat dan telah disampaikan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Schimmel juga menekankan bahawa Hadith adalah salah satu sumber utama dalam Islam yang termasuk naratif tentang Nabi Muhammad SAW, yang mana ia memberikan panduan tentang keimanan, doktrin, cara makan dan sebagainya (Ahmad Yunus et al. 2018).

Schimmel juga memberikan sumbangan besar dalam memahami kenabian Muhammad SAW. Beliau berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW adalah teladan bagi seluruh umat Muslim di dunia dan menggambarkan kecintaan beliau terhadap Nabi Muhammad SAW dengan menekankan sifat kelembutan, kemurahan, kesopanan dan keakraban Nabi Muhammad SAW (Amal Fathullah et al. 2020). Menurut Schimmel, pandangan beliau tentang kenabian Muhammad SAW adalah sama seperti pandangan umat Islam secara umum, iaitu mengakui bahawa Nabi Muhammad SAW adalah teladan yang baik dan juga Nabi terakhir yang mana tidak ada utusan dan agama lain selepas kedatangan baginda (Amal Fathullah et al. 2020).

Dalam membicarakan tentang keindahan Nabi Muhammad SAW, Schimmel dalam karyanya yang telah diterjemahkan dalam bahasa Indonesia iaitu *Dan Muhammad adalah Utusan Allah: Penghormatan Terhadap Nabi SAW dalam Islam* (1991) menyebutkan bahawa keindahan luaran Nabi Muhammad SAW merupakan cerminan kepada keindahan dan kemuliaan dalaman baginda, ini kerana Allah telah mencipta baginda sebagai manusia yang sempurna dari segi akhlak dan moralnya. Beliau juga memetik Hadith yang disebutkan oleh Abu Nu'aim al-Isfahani dalam karya Dala'il al-Nubuwwah ketika 'A'isyah ditanya oleh sahabat tentang perihal akhlak Nabi Muhammad SAW, dia berkata: "AkhlakNya adalah al-Quran – dia menyukai apa yang disukai al-Quran dan menjadi marah apabila al-Quran marah".

Seterusnya, dalam menggambarkan keperibadian Nabi Muhammad SAW lagi, Schimmel menyifatkan baginda sebagai seorang manusia yang mulia dan telah

diberikan pujian kepadanya oleh umat Islam terutamanya dengan doa, pujian dan selawat (Ahmad Yunus et al. 2018). Schimmel (1991) menjelaskan kepentingan bagi orang Muslim untuk berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW dengan kalimah *"Salla Allahu 'alaihi wa sallam"* yang bermaksud "Allah memberkatinya dan memberi kedamaian kepadanya", beliau memetik Hadith yang dinukilkan oleh al-Ghazali dalam Ihya' 'Ulum al-Din yang bermaksud "Barangsiapa mengucapkan kalimah selawat untukku, dia diberkati oleh para malaikat sesering dia mengucapkan selawat itu".

Beliau menambah lagi bahawa selawat kepada Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai syarat penting agar sesuatu doa dikabulkan dengan memetik perkataan Andrae dalam *Die Person Muhammads* bahawa permohonan peribadi atau doa akan tetap berada di luar pintu (langit) sehingga seseorang itu mengucapkan selawat kepada Nabi Muhammad SAW (Schimmel, 1991). Perkara ini secara langsung menunjukkan keperibadian Nabi Muhammad SAW sebagai model yang terbaik dan indah untuk seluruh umat manusia sehingga menjadikan darjatnya lebih tinggi dan terus dipuji sehingga ke zaman ini (Ahmad Yunus et al., 2018).

METODOLOGI GEORGE SALE

George Sale masyhur dengan terjemahannya terhadap al-Quran ke bahasa Arab yang telah menjadi salah satu terjemahan al-Quran yang paling dikenali dan berpengaruh di dunia Barat. Perkara yang menjadi perbincangan adalah pendekatan Sale dalam penterjemahannya yang sering kali dipengaruhi oleh ideologi dan kepercayaannya sebagai seorang penganut agama Kristian.

Pendekatan "Domestication"

"Domestication" sebagai salah satu metode dalam penterjemahan teks telah didefinisikan oleh beberap sarjana Barat, antaranya Lawrence Venutti (2008) yang menjelaskan bahawa "domestication" adalah strategi terjemahan yang membuat teks asing lebih akrab dan mudah diakses oleh pembaca sasaran dan ia sering melibatkan penyesuaian antara budaya dan konteks agar dengan norma dan harapan budaya pembaca sasaran. Venutti juga mengkritik metode ini kerana ia akan mengaburkan dan

mengubah makna asal bagi teks yang diterjemah, serta menghilangkan unsur-unsur budaya yang penting.

Manakala Susan Bassnett dalam karyanya "*Translation Studies*" (2002) menyatakan bahawa "domestication" adalah proses di mana penterjemah mengubah teks asing agar sesuai dengan norma dan budaya pembaca sasaran. Ia sering kali melibatkan penghilangan atau penggantian elemen-elemen budaya yang mungkin tidak disenangi oleh pembaca sasaran. Bassneet juga menegaskan pendekatan ini akan mengorbankan keaslian teks yang diterjemah. Antoine Berman (1984) mengkritik secara tegas metode ini kerana menurutnya ia adalah suatu bentuk kekerasan terhadap teks asal kerana menghilangkan keunikan dan kekayaan budaya yang terkandung di dalamnya.

Pendekatan George Sale dalam menterjemahkan al-Quran menunjukkan bahawa ideologi dan kepercayaan penterjemah boleh mempengaruhi terjemahannya. Ideologi adalah suatu andaian tersirat, kepercayaan yang dikongsi secara kolektif oleh sesuatu kumpulan sosial (Hatim & Mason, 2005). Dalam hal ini, Sale adalah sebahagian daripada kumpulan sosial yang mempunyai kepercayaan tertentu iaitu kepercayaan Kristian yang mempengaruhi proses penterjemahannya terhadap al-Quran dan mendorongnya untuk memanipulasi apa yang disampaikan al-Quran dengan tujuan untuk menyampaikan kepercayaan Kristian secara tidak langsung.

Pendekatan ini dapat dilihat dalam penterjemahan Sale apabila beliau meletakkan tajuk bagi karya terjemahan itu dengan nama *"The Koran: Commonly Called The Alcoran of Mohammed"* yang memberi konklusi bahawa al-Quran itu ditulis dan dicipta oleh Nabi Muhammad SAW sedangkan kepercayaan orang Muslim sangat yakin bahawa al-Quran merupakan kalam Allah semata-mata dari sudut lafaz dan juga maknanya serta bebas daripada campur tangan makhluk. Sebagaimana diakui oleh Chesterman (1997) bahawa penterjemahan adalah manipulasi, dalam kes ini Sale dengan kedudukannya sebagai seorang penterjemah memanipulasi fakta yang diketahui bahawa al-Quran adalah sepenuhnya datang dari Allah dengan memberi gambaran bahawa Nabi Muhammad adalah pemilik dan penulis bagi kitab suci itu sebagaimana kepercayaan penganut agama Kristian.

Selanjutnya dapat diperhatikan terjemahan Sale terhadap ayat-ayat al-Quran, antaranya ayat 143 dari surah al-Baqarah:

﴿وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيۡكُمۡ شَهِيدٗاۗ وَمَا جَعَلۡنَا ٱلۡقِبۡلَةَ ٱلَّتِي كُنتَ عَلَيۡهَآ إِلَّا لِنَعۡلَمَ مَن يَتَّبِعُ ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيۡهِۚ وَإِن كَانَتۡ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَٰنَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٞ رَّحِيمٞ(١٤٣)﴾

Maksudnya: "Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu (umat Islam) "umat pertengahan" agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Kami tidak menjadikan kiblat yang (dahulu) kamu (berkiblat) kepadanya melainkan agar Kami mengetahui siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang berbalik ke belakang. Sungguh, (pemindahan kiblat) itu sangat berat, kecuali bagi orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah. Dan Allah tidak akan mensia-siakan imanmu. Sungguh, Allah Maha Pengasih, Maha Penyayang kepada manusia"

Sale (1764) menterjemahkan: "Thus have we placed you, O Arabians, an intermediate nation, that ye may be witnesses against the rest of mankind, and that the apostle may be a witness against you". Terjemahan yang didatangkan oleh Sale ini memperlihatkan pengaruh Kristian yang sebati dalam kepercayaannya di mana Nabi Muhammad hanya diutuskan kepada bangsa Arab sahaja dan bukan kepada seluruh manusia (Hatim & Mason, 2005 dan Chesterman, 1997). Buktinya adalah Sale telah menambah perkataan *"Arabians"* dalam terjemahan ayat tersebut yang secara langsung memberi kefahaman bahawa agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad itu hanya khusus kepada bangsa Arab sedangkan kepercayaan umat Islam keseluruhannya beriman bahawa Nabi Muhammad adalah utusan terakhir kepada seluruh umat manusia. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ibrahem dan Safa (2019) bahawa Sale dalam hal ini tidak amanah dan tidak mementingkan dimensi etika dalam terjemahannya terhadap al-Quran. Jelas terjemahan yang sebegini merupakan suatu manipulasi terhadap ayat suci al-Quran.

Selain itu, terdapat juga terjemahan-terjemahan yang cenderung menggambarkan akidah dan pegangan Kristian yang seolah-olah diakui oleh al-Quran sedangkan ianya adalah manipulasi yang dicipta oleh Sale sendiri. Hal ini dapat dibuktikan apabila Sale menterjemahkan ayat 156 dari surah al-Nisa' ketika Allah berfirman:

﴿وَبِكُفْرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَٰنًا عَظِيما(١٥٦)﴾

Sale (1764) menterjemahkan: "and for that they have not believed in Jesus, and have spoken against Mary a grievous calumny". Dalam kes ini jelas Sale dipengaruhi oleh ajaran Kristian yang dianutinya dan cuba diaplikasi dalam terjemahannya kerana apabila seseorang dikatakan tidak percaya kepada tuhan, dalam agama Kristian ia merujuk kepada kepercayaan terhadap "Jesus" atau Nabi Isa sebagai tuhan. Sedangkan pada ayat tersebut tidak dinyatakan perihal kepercayaan terhadap Nabi Isa walaupun atas kapasiti baginda sebagai seorang Rasul sebaliknya tafsiran dari para ulama mentafsirkan ayat tersebut dengan kekufuran dan ingkarnya kamu Yahudi terhadap kekuasaan Allah (Al-Razi, 1981).

Dalam permasalahan yang sama, Allah berfirman pada ayat 45 surah Āli ʿImran:

﴿إِذْ قَالَتِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ يَٰمَرْيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكِ بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ ٱسْمُهُ ٱلْمَسِيحُ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ وَجِيها فِي ٱلدُّنْيَا وَٱلْأٓخِرَةِ وَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ (٤٥)﴾

Sale (1764) menterjemahkan:

When the angels said; O Mary verily GOD sendeth thee good tindings that thou shalt bear the Word proceeding from himself; his name shall be Christ Jesus the son of Mary, honorable in this world and on the world to come, and of those who approach near to the presence of GOD.

Penggunaan istilah “Christ Jesus” dalam terjemahan tersebut telah membawa konotasi bahawa Nabi Isa adalah anak Tuhan, sesuai dengan kepercayaan Kristian. Sebaliknya al-Quran berkali-kali menekankan bahawa Nabi Isa adalah utusan Allah serta anak kepada Mariam dan bukan tuhan atau anak kepada Tuhan bahkan tidak ada satupun pengakuan dari al-Quran tentang perkara tersebut dan ini sekaligus bertentangan dengan ajaran yang diimani oleh umat Muslim.

Seterusnya, pengaruh ideologi George Sale yang juga menggunakan pendekatan “domestication” terserlah apabila beliau menterjemahkan ayat 55 dari surah Āli ʿImran:

﴿إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ وَمُطَهِّرُكَ مِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَجَاعِلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوكَ فَوْقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِۖ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ(٥٥)﴾

Maksudnya: “(Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai Isa! Sesungguhnya Aku akan mengambilmu dengan sempurna, dan akan mengangkatmu ke sisiKu, dan akan membersihkanmu dari orang-orang kafir, dan juga akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang kafir (yang tidak beriman kepadamu), hingga ke hari kiamat. Kemudian kepada Akulah tempat kembalinya kamu, lalu Aku menghukum (memberi keputusan) tentang apa yang kamu perselisihkan".

Akan tetapi Sale (1764) menterjemahkan ayat tersebut dengan mengatakan:

When God said, O Jesus, verily I will cause thee to die, and I will take thee up unto me, and I will deliver thee from the unbelievers; and I will place those who follow thee above the unbelievers, until the day of resurrection: the unto me shall ye return, and I will judge between you of that concerning which ye disagree

Dalam hal ini, Sale telah melakukan terjemahan secara literal apabila menyebutkan bahawa Allah akan mematikan Nabi Isa kerana terkesan dengan ideologi

agama Kristian yang menganggap bahawa Nabi Isa telah wafat disalib dan menerapkannya ke dalam terjemahan terhadap al-Quran kemudian memanipulasi teks asal dan makna yang dikehendaki dari al-Quran. Perkara ini bertentangan dengan keyakinan umat Islam bahawa Nabi Isa tidak wafat sebaliknya diangkat oleh Allah dan ayat al-Quran sendiri menegaskan bahawa Nabi Isa tidak wafat dan tidak juga disalib dalam ayat 157 dari surah al-Nisa', Allah berfirman:

﴿وَقَوۡلِهِمۡ إِنَّا قَتَلۡنَا ٱلۡمَسِيحَ عِيسَى ٱبۡنَ مَرۡيَمَ رَسُولَ ٱللَّهِ وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمۡۚ وَإِنَّ ٱلَّذِينَ ٱخۡتَلَفُواْ فِيهِ لَفِي شَكّٖ مِّنۡهُۚ مَا لَهُم بِهِۦ مِنۡ عِلۡمٍ إِلَّا ٱتِّبَاعَ ٱلظَّنِّۚ وَمَا قَتَلُوهُ يَقِينَۢا(١٥٧)﴾

Maksudnya: "Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa Ibni Mariam, Rasul Allah. Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang salib), tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa) dan Sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi Isa, sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhannya). Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin".

Hasil daripada terjemahan yang didatangkan oleh Sale, ia menunjukkan pendekatan "domestication" yang cenderung untuk menyesuaikan teks asal agar lebih mudah difahami dan diterima oleh pembaca sasaran yang mana masyarakat Kristian merupakan pembaca sasaran bagi Sale dan beliau dilihat sering kali mengorbankan beberapa elemen budaya dan kepercayaan umat Islam yang tertulis dalam al-Quran sehingga yang terjadi dalam terjemahannya adalah manipulasi dan kerosakan etika yang jelas. Ini menyebabkan terjemahan Sale tidak setia kepada makna asal teks al-Quran dan boleh mengelirukan pembaca tentang ajaran Islam.

Jadual 1.0 menunjukkan perbezaan yang utama antara pendekatan fenomenologi oleh Schimmel yang berusaha memahami agama dari perspektif penganutnya dan pendekatan "domestication" oleh George Sale yang menyesuaikan teks terjemahan untuk pembaca sasaran dengan mengorbankan keaslian teks.

Jadual 1.0 Perbandingan pendekatan antara Annemarie Schimmel dan George Sale

Aspek Perbandingan	Annemarie Schimmel	George Sale
Pendekatan Utama dan Definisi	Fenomenologi- Memahami agama sesuai dengan apa yang difahami oleh penganutnya.	Domestication- Menyesuaikan teks asing agar lebih akrab dan mudah diakses oleh pembaca sasaran.
Tujuan Pendekatan	Menghasilkan pemahaman yang lebih baik tentang hakikat agama Islam.	Memenuhi keperluan pembaca Kristian pada masa tersebut.
Pengaruh Ideologi	Berusaha memahami agama Islam secara objektif dan bebas dari prasangka.	Dipengaruhi oleh kepercayaan Kristian yang mempengaruhi terjemahannya.
Sumbangan Terhadap Kajian Islam	Membela imej Islam di Barat dan memberikan pandangan positif tentang Islam.	Terjemahan yang berpengaruh di Barat tetapi sering kali tidak setia kepada makna asal teks al-Quran.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam kajian tentang Islam, Annemarie Schimmel dan George Sale menggunakan pendekatan yang berbeza tetapi mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk menyampaikan Islam kepada pembaca Barat. Schimmel menggunakan metode fenomenologi yang berusaha untuk memahami agama dari perspektif penganutnya, menghasilkan karya yang membela imej Islam dan memberikan gambaran yang positif tentang agama ini. Dalam hal ini, Schimmel dilihat lebih jujur dan telus terhadap apa yang dikaji dan hasilnya menunjukkan kehebatan Allah melalui tanda-tanda yang terdapat di alam ini dan kemuliaan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan kepada umat manusia. Sedangkan George Sale dalam terjemahannya terhadap al-Quran lebih kerap menggunakan pendekatan "domestication" dan banyak dipengaruhi oleh kepercayaannya sebagai penganut agama Kristian menyebabkan terjemahannya sering

kali cenderung untuk mengubah dan memanipulasi makna asal teks al-Quran. Namun begitu, kedua-duanya adalah tokoh yang berpengaruh dalam kajian Islam dan menghadapi cabaran serta kritikan dalam usaha mereka. Perbandingan ini menunjukkan pentingnya pendekatan yang objektif dan bebas dari prasangka dalam kajian-kajian agama untuk menghasilkan pemahaman yang lebih tepat dan adil.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Hafidz. 2019. Fenomenologi Annemerie Schimmel: Telaah terhadap Kontribusi Annemarie Schimmel dalam Mengintegrasikan Normativitas dan Historisitas dalam Studi Islam Kontemporer.

Ahmad Yunus Mohd Noor, Asmiliya Mohd Mokhtar, Zaizul Abd Rahman, Ahmad Dahlan Salleh. 2018. Annemarie Schimmel and Her Methodology in Dealing With Hadith: An Overview. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)* 9(10), pp. 2216-2224.

Al-Fakhr al-Razi, Muhammad bin Umar bin Al-Husain. 1981. *Mafatih al-Ghaib*. Kaherah: Dar al-Fikr.

Amal Fathullah Zarkasyi, Farhah, Ratih Ayu Muflihah Salwa, Farhan Afif Al-Kindi. 2020. The Propehtood of Muhammad according to (Annemarie Schimmel). *Journal of Islamic Civilization (TSAQAFAH)*, 16(2), pp. 387-406.

Atiq-ur-Rehman & Muhammad Hammad Lakhvi. 2023. George Sale and His Translation of the Holy Qur'an, A Critical Analysis. *INKĪSHĀF* 3(8).

Hatim, B., & Mason, I. 2005. *The Trasnlator as Communicator*. London: Routledge.

Ibrahem Bani Abdo & Safa Abu Mousa. 2019. The Effect of the Translator's Ideology in the Translation of Qur'an. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation (IJLLT)* 2(1).

Sale, George. 1764. *The Koran: Commonly called the Alcoran of Mohammed: Translated into English immediately from the original Arabic, with explanatory notes taken from the most approved commentators, to which is prefixed a preliminary discourse*. London: Printed for L. Hawkes, W. Clarke, and R. Collins.

Schimmel, Annemarie. 1991. *Dan Muhammad Adalah Utusan Allah: Penghormatan Terhadap Nabi s.a.w dalam Islam.* Bandung: Penerbit Mizan.

Schimmel, Annemarie. 1994. *Deciphering the Signs of God: A Phenomenological Approach to Islam*. New York: State of New York Press.

Sharafat Ali Khan & Siddiq Ali Chishti. 2023. Phenomenological Approach to Islam: A Case Study of Annemarie Schimmel's Approach to God (Tawheed). *Al-Durar Research Journal* 3(1).

Venutti, Lawrence. 2008. *The Translator's Invisibility: A History of Translation.* London and New York: Routledge.

Williams, J., & Chesterman, A. 2002. *The Map: A Beginners Guide to Doing Research in Translation Studies*. London: Routledge, Taylor & Francais Group.